

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL 2/1977**

**MEMBERI KELULUSAN BAGI PERMOHONAN-PERMOHONAN
PECAH SEMPADAN / BAHAGIAN TANAH**

Tujuan arahan ini dikeluarkan ialah untuk menarik perhatian semua PHT kepada kandungan Pekeliling K.P.T.G.Bil.24/76 bagaimana salinannya yang berkembar dan juga kepada Sek.136(1)(c)(i) K.T.N. yang berbunyi seperti berikut:-

“136.(I) Tiada apa juga pecah-sempadan boleh diluluskan oleh Pengarah Tanah Negeri atau Pemungut, mengikut mana-mana yang sesuai, melainkan syarat-syarat berikut dipenuhi:-

(a) x x x

(b) x x x

(c) without prejudice to the generality of paragraph (b) (i) that any necessary approval of any planning authority has been obtained, and”

2. Sungguhpun mengikut Sek.135(2) dan 140(2) K.T.N. permohonan bagi pecah sempadan dan pecah bahagian bagi mana-mana tanah, boleh diluluskan oleh PTG bagi tanah-tanah yang dipegang dibawah Hakmilik Pejabat Pendaftaran, dan oleh PHT bagi tanah-tanah yang dipegang dibawah Hakmilik Pejabat Tanah, tetapi kelulusan itu tidak boleh diberi selagi pelan pecahan itu tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancangan dibawah Sek.136(I)(c)(i) Kanun Tanah Negara.

3. Dalam Pekeliling K.P.T.G. Bil.24/76, K.P.T.G telah menjelaskan bahawa pihak berkuasa perancangan bagi tanah-tanah yang terletak diluar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan ialah Pihak Berkuasa Negeri, yakni MMK bukannya Pengarah Perancang Bandar dan Kampung Negeri.

4. Memandang kepada kedudukannya bagaimana diatas maka mulai dari tarikh keluarnya arahan ini kesemua permohonan-permohonan untuk mendapat kebenaran bagi memecah sempadan atau bahagian tanah yang terletak diluar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan samada tanah itu dipegang dibawah Hakmilik Pejabat Tanah atau Hakmilik Pejabat Pendaftaran hendaklah permohonan itu diangkat bagi timbangan MMK melalui Pejabat ini untuk mendapat kelulusan sebagai Planning Authority dibawah Sek.136(I)(c) atau (I)(c) Kanun Tanah Negara.

5. Tetapi walaubagaimanapun, sebelum sesuatu permohonan-permohonan itu diangkat bagi timbangan MMK, cadangan pelan pecah sempadan/bahagian tanah itu hendaklah terlebih dahulu diedarkan kepada Pengarah Perancang Bandar dan Kampung untuk apa-apa pandangan dan ulasannya. Lepas itu rang kertas MMK hendaklah disediakan dengan memberi apa-apa pengesyuran, samada patut diluluskan atau tidak.

(Mohd. Tajol Aros b.Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian,
Kelantan.

Kepada: Semua Ketua-ketua Jajahan dan Penolong-Penolong
Ketua Jajahan I, Kelantan.

s.k Y.B. Dato Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan..
Y.B. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
Juru Odit Negeri Kelantan
Pengarah Ukur Kelantan.
Pengarah L.K.T.N. Kelantan.
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah.
Pegawai Perancang Bandar dan Kampung Negeri Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN, KOTA BHARU.**

**PTG.KN. 11076/(9)
1hb.Mac,1977.**